



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
INDEKS HARGA PENGGUNA, MALAYSIA
JUN 2024**

Inflasi Malaysia kekal 2.0 peratus pada Jun 2024

PUTRAJAYA, 24 Julai 2024 - Inflasi Malaysia kekal 2.0 peratus pada Jun 2024 dengan mata indeks mencatatkan 133.0 berbanding 130.4 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini mengenai keluaran **INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP), JUN 2024**.

Peningkatan inflasi pada Jun 2024 telah didorong oleh peningkatan bagi kumpulan utama Restoran & Perkhidmatan Penginapan (3.3%); Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (3.2%); Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (2.8%) dan Makanan & Minuman (2.0%). Manakala, Pakaian & Kasut dan Insurans & Perkhidmatan Kewangan masing-masing menurun kepada negatif 0.1 peratus berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan inflasi Restoran & Perkhidmatan Penginapan meningkat kepada 3.3 peratus (Mei 2024: 3.2%). Ini disebabkan oleh peningkatan subkumpulan utama Perkhidmatan penyediaan minuman kepada 4.2 peratus (Mei 2024: 4.1%). Manakala, inflasi Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain meningkat pada kadar yang sama seperti bulan sebelumnya pada 3.2 peratus. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh subkumpulan Bekalan air & pelbagai perkhidmatan berkaitan rumah kediaman, 32.1 peratus (Mei 2024: 32.1%).

Inflasi bagi Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan meningkat 2.8 peratus pada Jun 2024 berbanding 3.0 peratus pada Mei 2024. Peningkatan ini disumbangkan oleh kelas perbelanjaan Barang kemas & jam tangan kepada 15.3 peratus (Mei 2024: 16.5%).

Kumpulan Makanan & Minuman yang menyumbang 29.8 peratus daripada keseluruhan wajaran IHP mencatatkan peningkatan 2.0 peratus pada Jun 2024 (Mei 2024: 1.8%). Subkumpulan utama Makanan di rumah meningkat 0.9 peratus pada Jun 2024 berbanding 0.5 peratus pada bulan sebelumnya. Kelas perbelanjaan Sayur-sayuran merekodkan peningkatan tertinggi sebanyak 6.2 peratus (Mei 2024: 4.8%). Antara sayur-sayuran yang mencatatkan kenaikan dua digit adalah Kacang panjang, Lada benggala dan Timun.

Inflasi bagi kelas perbelanjaan Daging meningkat kepada 0.2 peratus pada Jun 2024 (Mei 2024: -0.3%). Daging ayam segar yang merupakan komponen terbesar merangkumi 32.6 peratus dalam kelas perbelanjaan Daging kembali ke jajaran positif iaitu 1.1 peratus (Mei 2024: -0.8%). Berdasarkan pengumpulan data oleh pihak DOSM, purata harga Ayam standard di Malaysia pada Jun 2024 adalah RM10.58 sekilogram berbanding RM10.54 sekilogram pada bulan Jun 2023 (Mei 2024: RM10.42), manakala, purata harga Ayam standard bagi Semenanjung Malaysia pada Jun 2024 adalah RM9.92 sekilogram berbanding RM9.93 sekilogram pada bulan Jun 2023 (Mei 2024: RM9.71).

Subkumpulan utama Makanan di luar rumah meningkat lebih perlahan sebanyak 3.3 peratus berbanding 3.4 peratus pada bulan sebelumnya. Antara item yang merekodkan peningkatan lebih rendah berbanding bulan sebelum ialah seperti Roti canai dan Masakan ayam.

Selain itu, inflasi Pengangkutan meningkat 1.2 peratus pada Jun 2024 berbanding 0.9 peratus pada Mei 2024. Peningkatan tersebut disumbangkan oleh subkumpulan utama Pengurusan peralatan pengangkutan persendirian yang meningkat kepada 1.7 peratus pada Jun 2024 (Mei 2024: 1.4%). Kerajaan telah menetapkan harga runcit baru bagi Diesel iaitu RM3.35 seliter berbanding RM2.15 seliter bermula 10 Jun 2024 untuk Semenanjung Malaysia. Manakala, harga runcit Diesel bagi Sabah, Sarawak

dan Wilayah Persekutuan Labuan kekal pada RM2.15 seliter. Di samping itu, purata harga Petrol tanpa plumbum RON97 pada Jun 2024 adalah RM3.47 seliter berbanding RM3.37 seliter pada Jun 2023 (Mei 2024: RM3.47).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menambah, berhubung dengan inflasi di peringkat negeri, kebanyakan negeri merekodkan peningkatan di bawah paras inflasi nasional 2.0 peratus. Walau bagaimanapun, empat negeri merekodkan peningkatan melebihi paras inflasi nasional iaitu Pulau Pinang (3.3%), Sarawak (2.7%), Pahang (2.7%) dan Selangor (2.4%). Kesemua negeri mencatatkan peningkatan inflasi Makanan & Minuman. Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh Selangor pada 3.3 peratus, diikuti oleh Pulau Pinang (2.9%) dan Perlis (2.1%). Sementara itu, negeri-negeri lain menunjukkan peningkatan di bawah paras inflasi Makanan & Minuman nasional iaitu 2.0 peratus pada Jun 2024.

Inflasi keseluruhan secara bulanan pada Jun 2024 merekodkan kenaikan 0.2 peratus (Mei 2024: 0.3%). Peningkatan ini didorong terutamanya oleh Pengangkutan (0.5%); Restoran & Perkhidmatan Penginapan (0.3%) dan Rekreasi, Sukan & Kebudayaan (0.3%). Sementara itu, inflasi bagi suku tahun kedua 2024 mencatatkan peningkatan 1.9 peratus (ST1 2024: 1.7%). Bagi perbandingan suku tahunan, inflasi Malaysia mencatatkan peningkatan 0.6 peratus (ST1 2024: 0.7%). Sementara itu, inflasi teras meningkat 1.9 peratus pada Jun 2024, kadar yang sama seperti yang direkodkan pada Mei 2024. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh kumpulan utama Restoran & Perkhidmatan Penginapan (3.3%) dan Makanan & Minuman (2.8%).

Bagi perbandingan inflasi dengan negara-negara terpilih, inflasi di Malaysia (2.0%) adalah lebih rendah berbanding inflasi di Vietnam (4.3%), Philippines (3.7%), Indonesia (2.5%) dan Republic of Korea (2.4%). Namun, kadar tersebut lebih tinggi berbanding Thailand (0.6%) dan China (0.2%).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam **1200, Rabu, 24 Julai 2024**

DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.


Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
24 JULAI 2024**

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Rabu, 24 Julai 2024

Carta 1


Inflasi Keseluruhan Malaysia, Januari 2011 - Jun 2024



Nota: *Purata inflasi bagi tempoh Januari 2011 hingga Jun 2024


Carta 2

Inflasi Keseluruhan Malaysia, Inflasi Teras dan Inflasi Tanpa Bahan Api, Jun 2023 - Jun 2024



Carta 3


Inflasi bagi Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000, Jun 2023 - Jun 2024



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Rabu, 24 Julai 2024


Carta 4

Inflasi mengikut Kuadran, Mei 2024 & Jun 2024




Carta 5

Taburan Inflasi Makanan dan Bukan Makanan yang Meningkat $\leq 10\%$, Mei 2024 & Jun 2024



Carta 6

Purata Harga Petrol Tanpa Plumbum RON95, Petrol Tanpa Plumbum RON97 dan Diesel, Jun 2023 - Jun 2024




Nota: *Purata harga Diesel di Semenanjung Malaysia

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam **1200, Rabu, 24 Julai 2024**


Carta 7

Inflasi mengikut Kumpulan Utama, Mei 2024 & Jun 2024



Carta 8


Inflasi bagi Makanan & Minuman, Jun 2023 - Jun 2024



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam **1200, Rabu, 24 Julai 2024**

Carta 9

Inflasi mengikut Negeri, Mei 2024 & Jun 2024




Nota: W.P. merujuk kepada Wilayah Persekutuan

Mei 2024 | Jun 2024

Carta 10

Inflasi bagi Negara Terpilih, Jun 2023 – Jun 2024




Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam **1200, Rabu, 24 Julai 2024**


Carta 11

Harga Komoditi Terpilih Global


Minyak Mentah (US\$/bbl)




Gas Asli (Indeks 2010=100)




Minyak Sawit Mentah (US\$/mt)




Jagung (US\$/mt)




Daging (US\$/kg)




Daging Ayam (US\$/kg)




Kacang Soya (US\$/mt)




Gandum (US\$/mt)



Gula (US\$/kg)



Minyak Kelapa (US\$/mt)



Harga komoditi dunia (AS\$) Peratus perubahan tahun ke tahun

Sumber: Commodity Monthly Prices, World Bank

Nota:

Bbl : Brazilian Butt Lift (barrel) (1bbl = 159 litres)

Mt : Million Tonne

Mmbtu : Metric Million British Thermal Unit



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
CONSUMER PRICE INDEX, MALAYSIA
JUNE 2024

Malaysia's inflation remained at 2.0 per cent in June 2024

PUTRAJAYA, 24 July 2024 – Malaysia's inflation remained at 2.0 per cent in June 2024 with the index points stood at 133.0 as against 130.4 in the same month of the previous year. The Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today on the release of **CONSUMER PRICE INDEX (CPI), JUNE 2024**.

The increase of inflation in June 2024 was driven by the incline in the main group of Restaurant & Accommodation Services (3.3%); Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels (3.2%); Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services (2.8%) and Food & Beverages (2.0%). However, Clothing & Footwear and Insurance & Financial Services declined to negative 0.1 per cent respectively as compared to the same month of the previous year.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin informed that, inflation for Restaurant & Accommodation Services increased to 3.3 per cent (May 2024: 3.2%). This was due to the increase in the main subgroup of Beverage preparation services to 4.2 per cent (May 2024: 4.1%). Meanwhile, the inflation for Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels increased at the same rate as the previous month at 3.2 per cent. The increase was mainly contributed by the subgroup of Water supply & miscellaneous services relating to dwelling, 32.1 per cent (May 2024: 32.1%).

Inflation for Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services increased by 2.8 per cent in June 2024 as against to 3.0 per cent in May 2024. The incline was contributed by the expenditure class of Jewellery & watches at 15.3 per cent (May 2024: 16.5%).

The Food & Beverages group which contributes 29.8 per cent of the total CPI weight recorded an increase of 2.0 per cent in June 2024 (May 2024: 1.8%). The main subgroup of Food at home increased 0.9 per cent in June 2024 as compared to 0.5 per cent in the previous month. The expenditure class of Vegetables recorded the highest increase of 6.2 per cent (May 2024: 4.8%). Among the vegetables that recorded a double digit increase were Long Beans, Capsicum and Cucumber.

Inflation for the expenditure class of Meat edged up to 0.2 per cent in June 2024 (May 2024: -0.3%). Chicken as the largest component comprised 32.6 per cent in the expenditure class of Meat returned to positive territory at 1.1 per cent (May 2024: -0.8%). Based on data collected by DOSM, the average price of Standard chicken in Malaysia for June 2024 was RM10.58 per kilogramme as compared to RM10.54 per kilogramme in June 2023 (May 2024: RM10.42), while, the average price of Standard chicken in Peninsular Malaysia for June 2024 was RM9.92 per kilogramme as compared to RM9.93 per kilogramme in June 2023 (May 2024: RM9.71).

The main subgroup of Food away from home showed a slower increase of 3.3 per cent as compared to 3.4 per cent in the previous month. Among the items that recorded a lower increase as compared to the preceding month were Roti canai and Cooked chicken.

Furthermore, inflation for Transport increased 1.2 per cent in June 2024 as compared to 0.9 per cent in May 2024. The increase was contributed by the main subgroup of Operation of personal transport equipment which increased to 1.7 per cent in June 2024 (May 2024: 1.4%). The Government has set the new retail price for Diesel at RM3.35 per litre as compared to RM2.15 per litre effective from 10th June 2024 for Peninsular Malaysia. Meanwhile, the retail price of Diesel for Sabah, Sarawak & Wilayah Persekutuan Labuan remains at RM2.15 per litre.

In addition, the average price of Unleaded petrol RON97 in June 2024 was RM3.47 per litre as against RM3.37 per litre in June 2023 (May 2024: RM3.47).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also added, with regards to inflation at the state level, most of the states recorded increases below the national inflation level of 2.0 per cent. However, four states recorded increases above the national inflation level namely Pulau Pinang (3.3%), Sarawak (2.7%), Pahang (2.7%) and Selangor (2.4%). All states registered an increase in the inflation of Food & Beverages. The highest increase was recorded by Selangor at 3.3 per cent, followed by Pulau Pinang (2.9%) and Perlis (2.1%). Meanwhile, other states showed an increase below the national inflation of Food & Beverages of 2.0 per cent in June 2024.

The overall monthly inflation for June 2024 recorded an increase of 0.2 per cent (May 2024: 0.3%). The increase was mainly driven by inflation for Transport (0.5%); Restaurant & Accommodation Services (0.3%) and Recreation, Sport & Culture (0.3%). Meanwhile, inflation for the second quarter of 2024 recorded an incline of 1.9 per cent (Q1 2024: 1.7%). On a quarterly comparison, Malaysia's inflation increased 0.6 per cent (Q1 2024: 0.7%). Furthermore, the core inflation increased at 1.9 per cent in June 2024 the same rate as recorded in May 2024. The increase was due to the Restaurant & Accommodation Services (3.3%) and Food & Beverages (2.8%).

In comparison to inflation in other selected countries, inflation in Malaysia (2.0%) was lower than inflation in Vietnam (4.3%), Philippines (3.7%), Indonesia (2.5%) and Republic of Korea (2.4%). However, the rate was higher than Thailand (0.6%) and China (0.2%).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM is conducting the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."


Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, 24 July 2024

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
24 JULY 2024**

Chart 1 Malaysia Headline Inflation, January 2011 - June 2024



Note: * Average inflation for the period of January 2011 to June 2024

Chart 2 Malaysia Headline Inflation, Core Inflation and Inflation without Fuel, June 2023 - June 2024




Chart 3 Inflation for Income Group Below RM3,000, June 2023 - June 2024




Chart 4

Inflation by Quadrant, May 2024 & June 2024




Chart 5

Distribution of Inflation for Food and Non-Food that Increased $\leq 10\%$, May 2024 & June 2024





Chart 6

Average Price of Unleaded Petrol RON95, Unleaded Petrol RON97 and Diesel, June 2023 – June 2024



Note: * Average price of Diesel in Peninsular Malaysia

Chart 7

Inflation by Main Group, May 2024 & June 2024




Chart 8

Inflation for Food & Beverages, June 2023 - June 2024





Chart 9

Inflation by State, May 2024 & June 2024



Note: W.P. refers to Wilayah Persekutuan

May 2024 | June 2024

Chart 10

Inflation of Selected Countries, June 2023 - June 2024





Chart 11 Global Selected Commodity Prices



Global commodity price (US\$) — Percentage change year-on-year

Source: Commodity Monthly Prices, World Bank

Notes:

Bbl : Brazilian Butt Lift (barrel) (1bbl = 159 litres)

Mt : Million Tonne

Mmbtu : Metric Million British Thermal Unit